

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH BERHAD KOMITED PASTIKAN PENGGUNA KLK DAN LPT 1 SELAMAT  
SEMPENA SAMBUTAN AIDILFITRI DAN TEMPOH PKPB**

**KUALA LUMPUR, 22 Mei 2020** – ANIH Berhad komited menyediakan persekitaran yang selamat kepada semua pengguna lebuh raya di bawah kendaliannya sempena sambutan Aidilfitri walaupun berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Langkah ini tetap terus dilaksanakan walaupun syarikat berdepan dengan jumlah penurunan trafik yang sangat tinggi kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak ia mula diperkenalkan pada 18 Mac lalu.

Justeru, Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, petugas barisan hadapan syarikat iaitu Bahagian Pengurusan Tol; Pasukan LPT Ronda dan Bahagian Pusat Pemantauan Trafik (TTC) akan terus beroperasi 24 jam selain mempercepatkan *response time* bagi mendepani sebarang kes kemalangan dan hal luar jangka.

Beliau berkata, semua langkah ini penting bagi memastikan pengguna sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa ketika melakukan perjalanan di sepanjang 250 kilometer Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1).

“Walaupun kita kini berada dalam kehidupan normal baharu serta di bawah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang ditetapkan hingga 9 Jun ini, Lebuhraya KLK dan LPT 1 tetap beroperasi seperti biasa manakala aset lebuh raya pula dipastikan turut berada dalam keadaan baik dan terurus bagi memenuhi keperluan

kritikal sektor logistik dan pengguna yang terpaksa pulang ke kampung atas keperluan kecemasan seperti ditetapkan oleh kerajaan.

“Oleh itu, kami ingin memaklumkan bahawa ANIH Berhad tetap komited untuk terus berganding bahu dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan semua pihak berkuasa lain bagi memastikan Lebuhraya KLK dan LPT 1 berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk dilalui,” katanya dalam satu kenyataan.

Dato’ Nik Fauzi berkata syarikat turut mengaktif dan memenuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) selaras dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak dari fasa pertama PKP dilaksanakan.

Sehubungan itu, pemandu syarikat logistik serta pengguna yang terpaksa melakukan perjalanan dinasihatkan supaya merancang perjalanan dan memastikan kad Touch ‘n Go (TNG) sentiasa mencukupi. Ini kerana urusan tambah nilai kad TNG di lorong tol atau di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) di plaza tol ditutup bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19.

“Pengguna dinasihatkan supaya membuat tambah nilai terlebih dahulu sebelum memasuki lebuh raya dengan merujuk lokasi kiosk tambah nilai layan diri (SSK) dan pusat tambah nilai terdekat menerusi [www.touchngo.com.my](http://www.touchngo.com.my). Selain itu, mereka juga boleh menggunakan SSK menerusi sistem bayaran Maybank QRPay yang terdapat di Hentian Sebelah Gombak (arah barat sahaja); Kemudahan Rehat dan Rawat (R&R) Genting Sempah; R&R Temerloh (arah timur atau barat); dan Plaza Tol Gambang.

Sementara itu, perkhidmatan fasiliti di R&R seperti kemudahan surau dan gerai makanan kekal ditutup. Stesen minyak pula hanya beroperasi dalam tempoh terhad dari jam 7 pagi hingga 10 malam sahaja. Pengguna juga harus patuhi garis panduan penjarakan sosial ketika menggunakan tandas awam.

Pengguna boleh melayari laman sosial iaitu Twitter di @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur untuk mendapatkan maklumat rasmi terkini mengenai fasiliti perkhidmatan dan kemaskini trafik di Lebuhraya KLK dan LPT 1.

-Tamat-

**Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my](mailto:fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[farizal.hajat@mtdgroup.com.my](mailto:farizal.hajat@mtdgroup.com.my)
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[sofia.roseli@mtdgroup.com.my](mailto:sofia.roseli@mtdgroup.com.my)

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan**

**Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6187 5055    Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my)